

24 SEP 1999

PEKEBUN KECIL DIMINTA PELBAGAIKAN PRODUK TANAMAN

JOHOR BAHRU, 24 Sept (Bernama) -- Petani dan pekebun kecil diminta mempelbagaikan produk tanaman masing-masing untuk mempertingkatkan pengeluaran hasil pertanian negara.

Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM), Datuk Ahmad Arshad berkata selama ini petani dan pekebun kecil lebih menumpukan kepada tanaman getah dan kelapa sawit sahaja.

"Kita mahu petani dan pekebun kecil memperluaskan tanaman meliputi sayur-sayuran, bunga-bunga dan ternakan di samping meneruskan projek hiliran yang ada," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, yang mahu menjadikan sektor pertanian sebagai wawasan terbaru kerajaan dalam mempertingkatkan pengeluaran makanan negara.

Ahmad berkata PKPKM menyambut baik wawasan terbaru negara itu memandangkan sektor pertanian agak ketinggalan jauh dalam pembangunan negara berbanding sektor lain di negara ini.

Beliau berharap kerajaan dapat menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif bagi menggalakkan petani dan pekebun kecil mengusahakan pelbagai projek pertanian secara serius.

-- BERNAMA

BH FAZ